3	MoU	Indonesia	Prof. Madya Dr. Sharmini Abdullah
4	MoU	Thailand	Prof. Madya Dr. Sharmini Abdullah
5	MoU	Indonesia	Prof. Madya Dr. Tunku Salha Tunku Ahmad
6	MoU	Saudi Arabia	Prof. Madya Dr. Tunku Salha Tunku Ahmad
7	MoU	Indonesia	Prof. Madya Ts. Dr. Noormaizatul Akmar Ishak
8	MoU	Indonesia	Prof. Madya Dr. Mohammad Rezal Hamzah
9	MoU	Japan	Prof. Madya Dr. Sharmini Abdullah
10	MoU	Pakistan	Prof. Madya Dr. Umami Naiemah Saraih
11	MoU	India	Prof. Madya Ts. Dr. Syed Zulkarnain Syed Idrus
12	MoU	India	Prof. Madya Ts. Dr. Syed Zulkarnain Syed Idrus
13	MoU	Pakistan	Prof. Madya Dr. Umami Naiemah Saraih
14	MoA	Indonesia	Prof. Madya Dr. Julinawati Suanda
15	MoU	Thailand	Encik Mohd Syamril Akmar Chek Kassim
16	MoU	Thailand	En. Mohamad Zaki Abdul Halim
17	MoU	Namibia	Prof. Madya Dr. Wan Sallha Yusoff
18	MoU	Indonesia	Puan Nor Syafawati Binti Mohd. Zuki

HAL EHWAL PELAJAR

MAJLIS IFTAR JAMAIE RAMADAN 1446H ANJURAN FAKULTI PERNIAGAAN & KOMUNIKASI (FPK)

12 MAC 2025 | SURAU UniMAP, KAMPUS PAUH PUTRA



Majlis Iftar Jamaie Ramadan 1446H anjuran Fakulti Perniagaan & Komunikasi (FPK) dengan kerjasama Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN) dan Pusat Pembangunan Profesional & Pembelajaran Berterusan (PDCE) bertempat di Surau UniMAP, Pauh Putra.

KENDURI SISWA

18 MEI 2025 | KAMPUS UNICITI ALAM SUNGAI CHUCHUH



Kenduri Siswa Kompleks Perumahan UniCITI Alam (KPUA) Sempena Santai UniCITI 2025 anjuran Majlis Penghuni Kolej Kediaman KPUA dengan kerjasama Persatuan Pelajar Fakulti Perniagaan & Komunikasi (PPFPK) dan Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN) telah diadakan pada 18 Mei 2025, bertempat di Bawah Blok A2, Kompleks Perumahan UniCITI Alam (KPUA), Sg. Chuchuh.

PROGRAM BUSINESS ETHICS TALK 2025

11 JUN 2025 | KAMPUS UNICITI ALAM SUNGAI CHUCHUH



11 Jun 2025; Bertempat di DK Kampus Uniciti Alam Sg. Chuchuh telah berlangsung Program Business Ethics Talk 2025 dianjurkan oleh pelajar-pelajar kelas matapelajaran SSP15503 Business Ethics semester 2 Sesi 2024/2025 sebagai sebahagian daripada Program Integriti UniMAP. Program ini dibuat secara 3 Siri seperti berikut:-Siri 1: 11 Jun 2025 (Rabu),Siri 2: 12 Jun 2025 (Khamis) & Siri 3: 19 Jun 2025 (Khamis). Tujuan utama program ini adalah untuk memberikan pendedahan sebenar tentang senario sebenar masalah etika dalam dunia sebenar. Disamping itu dirangka bagi memantapkan pemahaman pelajar berkaitan dasar integriti negara.

ENTREPRENEURSHIP EXCHANGE PROGRAM

15 JUN 2025 | KAMPUS PAUH PUTRA, UNIMAP



15 JUN hingga 14 Julai 2025; Satu program mobiliti jalinan kerjasama di antara Jabatan Bahasa & Pengajian Umum, FPK, UniMAP bersama Faculty of Liberal Arts, Thammasat University telah diadakan melalui Program Intercultural & Social Entrepreneurship Exchange Program (InSPIRE) 2025 yang melibatkan 17 orang pelajar dari Thammasat University Bangkok Thailand. Program yang diadakan bermula 15 Jun 2025 hingga 14 Julai 2025 ini memfokuskan pada pengajaran Kursus Bahasa Melayu selain program keusahawanan dan budaya.

UNICITI GO GREEN

9 - 13 JUN 2025 | KAMPUS UNICITI ALAM SUNGAI CHUCHUH



9 Jun - 13 Jun 2025; bertempat di Kampus UniCITI Alam Sungai Chuchuh UniMAP, telah berlangsungnya UniCITI Go Green: Greening UniCITI, Brightening Tomorrow anjuran Persatuan Pelajar Fakulti Perniagaan & Komunikasi (PPFPK) Sesi 2024/2025 dengan kerjasama Fakulti Perniagaan dan Komunikasi (FPK). Secara keseluruhannya, program UniCITI Go Green telah mencapai objektif penganjuran dengan jayanya. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan berjaya meningkatkan kesedaran pelajar terhadap kepentingan kelestarian alam sekitar serta tanggungjawab sosial sebagai warga universiti. Kejayaan program ini membuktikan bahawa dengan komunikasi dan kerjasama yang baik, sebarang program dapat dijalankan dengan teratur dan berkesan.

FESTIVAL KEBUDAYAAN ANTARA FAKULTI 2025

13 - 15 JUN 2025 | DEWAN KECEMERLANGAN, KAMPUS PAUH PUTRA



13-15 Jun2025 (Jumaat-Ahad); bertempat di Tapak Bas Pfi2, Kampus Pauh Putra, Universiti Malaysia Perlis Persatuan Pelajar Fakulti Perniagaan & Komunikasi (PPFPK) Sesi 2024/2025 telah menganjurkan Festival Kebudayaan Antara Fakulti 2025 (FESTKAF 25). Program ini telah Berjaya dilaksanakan dengan penglibatan seramai 51 orang peserta dan jawatankuasa berjaya mencapai sebahagian besar objektif yang telah ditetapkan. Melalui program ini, para mahasiswa/i telah diberi peluang menyertai pelbagai pertandingan yang diadakan sekaligus mencungkil bakat serta melahirkan mahasiswa/i yang berdisiplin, berkemahiran, dan berkeyakinan. Program ini juga telah membuka ruang untuk para peserta menonjolkan bakat dalam platform yang kondusif, di samping menyemai budaya bekerjasama serta mengeratkan hubungan antara kaum.

MAJLIS APRESIASI AKADEMIK & MAJLIS WATIKAH PELANTIKAN 2025

20 - 22 JUN 2025 | KAMPUS UNICITI ALAM SUNGAI CHUCHUH



20-22 Jun2025; bertempat di DATARAN BOULEVARD, KP UNICITI ALAM telah diadakan Majlis Apresiasi Akademik & Majlis Watikah Perlantikan 2025 pelajar-pelajar Fakulti Perniagaan & Komunikasi (FPK) anjuran Persatuan Pelajar Fakulti Perniagaan & Komunikasi (PPFPK) Sesi 2024/2025. Majlis ini telah menjadi platform penting untuk mengiktiraf pencapaian cemerlang mahasiswa dalam bidang akademik, meningkatkan motivasi pelajar untuk terus berusaha mencapai kejayaan, serta memupuk semangat kepimpinan, disiplin, amanah, dan kerjasama dalam kalangan mahasiswa.

ZIARAH KASIH UNIMAP

26 SEPTEMBER 2025 | FELDA CHUPING, PERLIS



Fakulti Perniagaan & Komunikasi (FPK) menyantuni dua orang bakal pelajar yang akan mendaftar esok iaitu Saudara Muhammad Hanis bin Hamidon, Program Komunikasi Media Baharu yang berasal dari Jejawi, Perlis dan Saudari Husna Farhana Anuari binti Abdul Baari, Program Keusahawanan Kejuruteraan dari Felda Chuping, Perlis yang bakal melangkah penuh debar ke alam universiti.

Paling membanggakan apabila kami dimaklumkan bahawa abang kepada Saudara Muhammad Hanis, iaitu Saudara Muhammad Hariz bin Hamidon turut berjaya mendapat tempat di UniMAP; Program Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pemesinan), Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal (FKTM) dan akan turut mendaftar esok di Kampus Alam Pauh Putra. Sesungguhnya Ziarah Kasih UniMAP bukan sekadar sebuah kunjungan, tetapi sebuah perjalanan hati dan rasa. Di setiap pintu rumah yang diketuk, terserlah senyuman yang penuh makna. Ada wajah ayah dan ibu yang sarat dengan doa, ada anak yang menyimpan harapan, menanti detik bergelar mahasiswa. Dalam suasana sederhana, kami duduk bersama, mendengar cerita, berkongsi rasa, dan menitipkan pesan:

Kekurangan hidup bukanlah penghalang untuk melangkah jauh. Ilmu adalah kunci yang akan membuka seribu peluang. Di UniMAP, kalian tidak pernah berjalan sendirian.” Ziarah ini menjadi bukti bahawa UniMAP bukan hanya sebuah institusi ilmu, tetapi sebuah keluarga besar; tempat berpaut di kala susah, teman setia di kala gembira. Kami ingin setiap ibu bapa yakin bahawa anak mereka akan dijaga, dibimbing dan diraikan sebagai permata harapan bangsa.

PROGRAM BAKTI MADANI MEGA-SISWA UNIVERSITI KOMUNITI MADANI 2025

3 - 5 OKTOBER 2025 | PARLIMEN PADANG BESAR



3 - 5 Oktober 2025 ; PROGRAM BAKTI MADANI MEGA - SISWA UNIVERSITI KOMUNITI MADANI 2025. Program yang disertai oleh para pelajar baharu FPK bersama keluarga angkat di kampung-kampung sekitar Parlimen Padang Besar. Program Bakti Madani Siswa Universiti Komuniti Madani @ UniMAP Perlis ini dianjurkan adalah manifestasi pendekatan baharu Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam memperkasa komuniti melalui pemindahan ilmu, nilai kemanusiaan & semangat Malaysia MADANI. Seramai 730 orang penyertaan pelajar FPK yang baharu mendaftar sesi akademik 2025/2026, bersama 193 keluarga angkat yang melibatkan 13 buah kampung di sekitar 5 DUN Parlimen Padang Besar.

DRIVE YOUR FUTURE WITH RHB

26 OKTOBER 2025 | AUDITORIUM PERPUSTAKAAN TUANKU SYED PUTRA, KAMUS PAUH PUTRA.



26 Oktober 2025, bertempat di Auditorium Perpustakaan Tuanku Syed Putra, Kampus Alam UniMAP, Pauh Putra Persatuan Pelajar Fakulti Perniagaan & Komunikasi (PPFPK) dan Duta Kampus RHB Sdn. Bhd. Telah menganjurkan program “Drive Your Future with RHB”. Selaras dengan usaha untuk melahirkan graduan yang celik kewangan dan bersedia menghadapi cabaran dunia pekerjaan, program ini dirangka dengan pelbagai aktiviti interaktif seperti ceramah, bengkel dan sesi perkongsian Bersama pakar industri. Program ini juga telah disertai seramai 125 orang pelajar FPK.

INISIATIF BIASISWA SUKAN (OLAHRAGA)

NOVEMBER 2025 | PEJABAT NAIB CANSELOR, KAMPUS PAUH PUTRA



Tahniah Saudara Muhammad Faris bin Kamarzaman, pelajar Tahun 2 Program Keusahawanan Kejuruteraan (EE), FPK menerima Inisiatif Biasiswa Sukan (Olahraga) tajaan Budaya Positif Sdn. Bhd. Menerima tajaan yuran pengajian dan wang sara hidup. Jurulatih beliau En. Nazmizan bin Muhammad.

AKTIVITI & PROGRAM

"RIMBA BLOOM – SERVICE LEARNING MALAYSIA UNIVERSITY FOR SOCIETY (SULAM)

5 JANUARI 2025 | HUTAN LIPUR BUKIT AYER, PERLIS



Pelajar Tahun 3 Sarjana Muda Perniagaan (Keusahawanan Kejuruteraan), Kursus SMP25303 Pemasaran Keusahawanan dari Jabatan Perniagaan, FPK dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Perlis (JPNPs) telah berjaya menganjurkan program "Rimba Bloom" yang bertempat di Hutan Lipur Bukit Ayer, Kangar, Perlis. Program ini melibatkan hasil gabungan 108 orang pelajar daripada kelas 21C dan 21D sebagai satu projek khas bawah Program Service Learning Malaysia University For Society (SULAM); yang juga bertemakan Kebudayaan di Malaysia.

Tujuan utama program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada para pelajar untuk bekerjasama dalam mengaplikasikan prinsip dan strategi dalam silibus bersama komuniti di luar bilik kuliah. "Rimba Bloom" juga merupakan salah satu inisiatif bersama Jabatan Perhutanan untuk mempromosikan lebih lagi kawasan pelancongan bertemakan perhutanan di Perlis seiring dengan Tahun Melawat Perlis 2024-2025. Pelbagai aktiviti menarik seperti "Treasure Hunt" turut dijalankan dengan melibatkan penyertaan umum daripada pelajar lain. Selain itu, terdapat juga pengisian program seperti Persembahan Tarian Canggung, Wushu dan Tarian India yang dipersembahkan oleh pelajar UniMAP sendiri.

Program SULAM ini adalah bawah seliaan En. Mohd Juraij bin Abd Rani dan Prof. Madya Dr. Julinawati binti Suanda. Program ini turut dihadiri oleh:

1. Puan Nurul Hana binti Mohd Sayuti, Timbalan Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Perlis;
 2. Wakil Penaja FAMA Negeri Perlis; Encik Abdul Hadi bin Adnan, Ketua Unit Pemasaran Digital FAMA dan Encik Mohd Harith bin Rosli, Ketua Unit Maklumat Pasaran FAMA;
 3. Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Syahrul Nizam bin Md Arshad@Hashim, Penyelaras Program Community Resilience Experiential Learning (CARE) UniMAP; serta
 4. Para pensyarah FPK yang turut memeriahkan program. Antaranya Dr. Zaharah binti Zainal Abidin, En. Mohd Affendi bin Ahmad Pozin, Dr. Faiz bin Masnan, Dr. Nur Salimah binti Alias, Dr. Mohd Khairulnizam bin Zahari, Pn. Nor Syafawaty binti Mohd Zuki, Cik Nur Farhina binti Othman dan Cik Siti Balkis binti MKM Mohamed Ibrahim.
- Pihak "Rimba Bloom" juga turut mengucapkan jutaan terima kasih kepada para penaja iaitu FAMA Negeri Perlis, Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Perlis, Straxx Production, IQR Awesome Training and Consultancy dan juga komuniti serta ahli keluarga yang banyak menjadi tulang belakang bagi menjayakan penganjuran program ini.

WEBINAR "RAHSIA KEJAYAAN FUNDAMENTAL RESEACH GRANT SCHEME

13 JANUARI 2025 | GOOGLE MEET



Webinar "Rahsia Kejayaan Fundamental Research Grant Scheme (FRGS)" – "Mastering FRGS Proposal" oleh Prof. Madya Dr. Wan Sallha binti Yusoff anjuran Jabatan Perniagaan

PENILAIAN FASA 2 LAMAN WEB PTJ UniMAP 2024

15 JANUARI 2025 | -



Keputusan Penilaian Ranking Laman Web PTJ UniMAP Fasa II (Disember 2024)

Pengiktirafan 5 Bintang:
Sebanyak 19 PTJ (44.19%) telah menerima pengiktirafan 5 bintang dengan markah melebihi 85% daripada keseluruhan. Tahniah kepada semua PTJ yang berjaya mencapai tahap kecemerlangan ini!

SESI KUNJUNGAN HORMAT

16 JANUARI 2025 | -



Pasukan penyelidik dari Fakulti Perniagaan & Komunikasi, yang diketuai oleh ketua penyelidik Geran TRGS-SF, PM Dr. Wan Sallha Yusoff telah mengadakan beberapa sesi kunjungan hormat ke atas Naib-Naib Canselor Universiti Awam dan Swasta, mantan Ketua Pengarah KPT, Profesor Ulung dan Profesor UKM dalam usaha mendapatkan sudut pandang tokoh-tokoh akademik tersebut mengenai kajian yang sedang dijalankan. Pihak penyelidik terlebih dahulu telah mengadakan kunjung hormat ke atas YBhg Prof. Dato' Ts. Dr. Zaliman Sauli, Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) serta YBhg Prof. Emeritus Dato' Dr. Hassan Said, Pro Canselor UiTM dan mantan Ketua Pengarah KPT yang pertama dalam mendapatkan pandangan serta buah fikiran kedua tokoh akademik tersebut. Sesi kunjungan hormat kemudian diteruskan ke atas Naib Canselor UPM, YBhg. Prof. Dato' Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah, Naib Canselor Unisel, Bhg. Prof.

Emeritus Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman, Naib Canselor UiTM, YBhg. Profesor Datuk Dr Shahrin bin Sahib@Sahibuddin, Pengarah KITA UKM, YBhg Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin FASc dan YBhg Prof. Dr. Mohd Fairuz Md Salleh. Kunjungan hormat ini bertujuan untuk memperoleh buah fikiran serta nasihat tokoh-tokoh akademik tersebut berkenaan kajian "Melestarikan Kedudukan Kewangan Universiti Awam Melalui Penetapan Dasar Penyelarasan Subsidi Yuran Program Ijazah Sarjana Muda Saluran Perdana". Kajian yang dijalankan ini akan diserahkan sebagai kertas polisi untuk pertimbangan Jemaah Menteri. Pihak FPK mengucapkan tahniah kepada PM Dr. Wan Sallha dan para penyelidik dalam usaha meningkatkan keupayaan penyelidikan FPK dan UniMAP.

BENGKEL SESI PEMBANGUNAN VIDEO MICRO CREDENTIAL

17 JANUARI 2025 | BILIK SEMINAR FPK, KAMUS JEJAWI



BENGKEL PROMOSI KURSUS MICRO-CREDENTIAL

4 FEBRUARI 2025 | LEAD, UNIMAP



BENGKEL PROMOSI KURSUS MICRO-CREDENTIAL

4 FEB 2025 | LEAD, UNIMAP



Bengkel Semakan Kurikulum Program Sarjana Muda Perniagaan, Jabatan Perniagaan, FPK (9 pagi - 4.30 petang, Bilik Inkubator Teknousahawan, FPK, Kangar) Warga Kerja Jabatan Perniagaan.

DELEGASI DARIPADA NORDIC INTERNATIONAL UNIVERSITY, UZBEKISTAN

7 FEBRUARI 2025 | UNIMAP PAUH



Prof. Madya Ts. Dr. Hj. Mohammad Harith bin Amlus, Timbalan Dekan (Akademik & Penyelidikan) mewakili Dekan FPK bersama delegasi dari Nordic International University, Uzbekistan.

LAWATAN DATO' NAIB CANSOLOR KE JABATAN KOMUNIKASI

18 FEBRUARI 2025 | JABATAN KOMUNIKASI, JEJAWI



Lawatan Dato' Naib Canselor ke Jabatan Komunikasi dan Jabatan Bahasa & Pengajian Umum (JBPU), Fakulti Perniagaan & Komunikasi (FPK), Jejawi.

PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT TOUR AND EDUCATIONAL TRIP SMK SANGLANG

18 FEBRUARI 2025 | JABATAN KOMUNIKASI, JEJAWI



Program Khidmat Masyarakat: Tour and Educational Trip for SMK Sanglang Students" iaitu sebuah program lawatan sambil belajar dari SMK Sanglang, Perlis telah dianjurkan oleh pihak fakulti yang bertempat di sekitar Kampus Alam UniMAP Pauh Putra. Program ini dianjurkan bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengalaman luar kelas kepada para pelajar tentang kehidupan di universiti

PERBINCANGAN PELAKSANAAN PROJEK Ps-FORCE

3 MAC 2025 | JABATAN CANSELORI, KAMPUS UNIMAP



Mesyuarat Bersama YBhg. Dato' Naib Canselor Bagi Kerjasama Strategik Antara Jabatan Perhutanan Negeri Perlis (JPNPs) dan Fakulti Perniagaan & Komunikasi (FPK), UniMAP untuk Pelaksanaan Projek Ps-FORCE FPK, UniMAP bersama JPNPs menjalin kerjasama strategik dalam usaha memperkasa komuniti hutan melalui pengukuhan ekonomi, latihan dan kemahiran, pemasaran digital serta pembangunan sistem pemetaan digital komuniti. Sebagai langkah awal, mesyuarat kerjasama strategik telah diadakan pada 3 Mac 2025, bertempat di Bilik Mesyuarat Eksekutif Canselor, Pauh Putra bagi membincangkan pelaksanaan projek Ps-FORCE ke arah pembangunan komuniti hutan di Negeri Perlis. Dalam sesi tersebut, YBrs. Tuan Ag Shaffie bin Ag Ahmadni, Pengarah Perhutanan Negeri Perlis telah menyerahkan surat kerjasama strategik kepada YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Zaliman Sauli, Naib Canselor UniMAP.

Turut hadir dalam mesyuarat ini ialah:
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

1. Prof. Ir. Dr. Rizalafande bin Che Ismail, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi);
2. Prof. Madya Dr. Mohammad Reza bin Hamzah, Dekan Fakulti Perniagaan & Komunikasi (FPK);
3. Prof. Madya Dr. Hanum binti Hassan, Pengarah Institut Kajian Strategik & Komuniti (IKSK);
4. Prof. Madya Dr. Julinawati binti Suanda, Pensyarah FPK;
5. Dr. Zaharah binti Zainal Abidin, Pensyarah FPK;
6. Encik Airul Shazwan bin Norshahimi, Pensyarah FPK; serta Jabatan Perhutanan Negeri Perlis (JPNPs)

1. Puan Nurul Hana binti Mohd Sayuti, Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri Perlis;
 2. Encik Mohd Fauzi bin Seman, Penolong Pemelihara Hutan (Operasi); dan
 3. Cik Nurshazwani binti Saad, Pembantu Penyelaras Komuniti Hutan
- Kerjasama ini bakal membuka peluang baharu ke arah pembangunan komuniti hutan yang lebih lestari dan berdaya saing.

LAWATAN DATO' NAIB CANSOLOR KE KAMPUS UNICITI ALAM

4 MAC 2025 | KAMPUS UNICITI ALAM, UNIMAP



MAJLIS IFTAR JAMAIE

12 MAC 2025 | SURAU UNIMAP, KAMPUS PAUH PUTRA



Majlis Iftar Jamaie Ramadan 1446H anjuran Fakulti Perniagaan & Komunikasi (FPK) dengan kerjasama Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN) dan Pusat Pembangunan Profesional & Pembelajaran Berterusan (PDCE) bertempat di Surau UniMAP, Pauh Putra.

PENYERAHAN LAPORAN TAHUNAN FPK

17 MAC 2025 | PEJABAT NAIB CANSOLOR



Penyerahan Laporan Tahunan FPK 2024 oleh Dekan, Timbalan Dekan (Akademik & Penyelidikan), Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) dan Timbalan Pendaftar Kanan FPK kepada YBhg. Dato' Naib Canselor.

PENYERAHAN LAPORAN TAHUNAN FPK

19 & 20 MAC 2025 | BUKIT JALIL, KUALA LUMPUR



Pada 19 hingga 20 Mac En. Khairul Hisham, Guru Bahasa Inggeris Fakulti Perniagaan & Komunikasi (FPK), telah dijemput sebagai jururunding oleh syarikat LevelZero PLT untuk mengendalikan program Permainan Lipur Lara bersama pelajar Sekolah Antarabangsa Tzu Chi di Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Dalam program ini, beliau telah menjalankan dua sesi Permainan Lipur Lara menggunakan pendekatan Pembelajaran Berasaskan Permainan secara analog. Kaedah ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pertuturan Bahasa Inggeris pelajar melalui interaksi kreatif dan pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan.

MAJLIS MENANDATANGANI MoU ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP) DAN UNIVERSITAS UBUDIYAH INDONESIA (UUI)

21 APRIL 2025 | KAMPUS PAUH PUTRA, UNIMAP



Jabatan Bahasa & Pengajian Umum, Fakulti Perniagaan & Komunikasi telah mengusahakan pemeteraian Memorandum of Understanding (MoU) secara dalam talian antara Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dengan Universitas Ubudiyah (UUI), Indonesia. UUI merupakan rakan kerjasama akademik yang aktif sejak dari 2014. Pelbagai penganjuran program akademik seperti program mobiliti, penyelidikan mahupun pertukaran kepakaran antara kedua-dua buah universiti telah berjaya dilaksanakan. Inisiatif Fakulti Perniagaan & Komunikasi, UniMAP untuk meneruskan wadah kerjasama ini sangat disambut baik dan semoga mencapai sasaran ditetapkan bersama pihak UUI. YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Zaliman bin Sauli, Naib Canselor telah hadir dalam acara bersejarah ini manakala pihak UUI diwakili Ibu Dr. Mutiawati, S.Pd., M.Pd selaku Rektor. Tahniah dan syabas kepada semua yang te

LAWATAN DELEGASI DARIPADA WALAILAK UNIVERSITY

9 MEI 2025 | KAMPUS PAUH PUTRA, UNIMAP



Lawatan Balas Delegasi School of Informatics dan School of Languages and General Education, Walailak University ke Fakulti Perniagaan & Komunikasi (FPK), UniMAP

PERTANDINGAN THREE MINUTE THESIS (3MT)

16 MEI 2025 | AUDITORIUM, BANGUNAN CANSELORI, KAMPUS PAUH PUTRA UniMAP



Tahniah diucapkan kepada Pn. Husna 'Afifi binti Mohd Yusoff @ Mat Jusoh, Jabatan Komunikasi kerana telah berjaya mendapat Tempat Pertama bagi Kategori Sains Sosial dalam Pertandingan Three Minute Thesis (3MT) Peringkat UniMAP 2025 anjuran Pusat Pengajian Siswazah (CGS), bertempat di Auditorium Canselor Tuan Syed Sirajuddin, Kampus Alam Pauh Putra.

KENDURI SISWA

18 MEI 2025 | KOMPLEKS PERUMAHAN UNICITI



Kenduri Siswa Kompleks Perumahan UniCITI Alam (KPUA) Sempena Santai UniCITI 2025 anjuran Majlis Penghuni Kolej Kediaman KPUA dengan kerjasama Persatuan Pelajar Fakulti Perniagaan & Komunikasi (PPFPK) dan Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN) telah diadakan pada 18 Mei 2025, bertempat di Bawah Blok A2, Kompleks Perumahan UniCITI Alam (KPUA), Sg. Chuchuh.

WEBINAR TALK

19 MEI 2025 | GOOGLE MEET



Ceramah Webinar oleh Dr. Faharol bin Zubir, JBPU, FPK.

LAWATAN DARIPADA KOLEJ VOKAISONAL ALOR SETAR, KEDAH

20 MEI 2025 | KAMPUS UNICITI ALAM, SUNGAI CHUCHUH



Lawatan Akademik Pelajar dan Pensyarah Program Pengurusan Perniagaan Kolej Vokasional Alor Setar ke Fakulti Perniagaan & Komunikasi (FPK), UniMAP, Kampus UniCITI Alam Sungai Chuchuh.

LAWATAN DELEGASI DARIPADA UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA TUANKU SYED SIRAJUDDIN

27 MEI 2025 | KAMPUS UNICITI ALAM, SUNGAI CHUCHUH



Lawatan Kunjungan Hormat Delegasi Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan (FPSP), Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ) ke Fakulti Perniagaan & Komunikasi (FPK), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Kampus UniCITI Alam Sungai Chuchuh, Padang Besar.

PROGRAM KENEGARAAN MALAYSIA MADANI 2025

26 - 28 MEI 2025 | AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA, KEDAH



Program Kenegaraan Malaysia Madani (Badan Berkanun) Tahun 2025 anjuran Akademi Kenegaraan Malaysia, Pejabat Perdana Menteri dan Universiti Malaysia Perlis yang telah dihadiri oleh staf FPK (Kumpulan Pengurusan & Profesional)

GENIUS ENGLISH BOOTCAMP 3

30 - 31 MEI 2025 |



Genius English Bootcamp 3 bersempena dengan Program Peneraju Tunas Bridge Bestari telah berlangsung pada 30-31 Mei 2025. Program ini melibatkan 300 orang pelajar sekolah menengah dari Perlis dan Kedah serta 10 orang tenaga pengajar dari UniMAP yang terdiri daripada pensyarah dan guru bahasa Jabatan Bahasa & Pengajian Umum, Fakulti Perniagaan & Komunikasi. Bagi siri ketiga ini, fokus diberikan kepada kemahiran membaca. Bootcamp ini menggunakan pendekatan interaktif yang berpusatkan pelajar seperti aktiviti berkumpulan, cabaran membaca dan perbincangan berpandu bagi melibatkan pelajar secara aktif serta menyokong perkembangan kemahiran membaca mereka.

MAJLIS APRESIASI SKPG UNIMAP 2024

23 JUN 2025 - DEWAN ILMU, KAMPUS PAUH PUTRA UNIMAP



Majlis Apresiasi SKPG UniMAP 2024
1. Fakulti Perniagaan & Komunikasi Unimap Tempat Pertama Anugerah Perutusan Graduan Usahawan Tertinggi; dan
2. Ts. Dr. Wan Nor Ashiqin binti Wan Ali, Pensyarah Kanan, Jabatan Komunikasi bagi Anugerah Ikon Ambassador GE UniMAP 2024.

BENGKEL PENULISAN ARTIKEL MEDIA: DARI IDEA KE PENERBITAN

10 JULAI 2025 - BILIK SEMINAR IKOM, JEJAWI



Jabatan Bahasa dan Pengajian Umum telah menganjurkan Bengkel Penulisan Artikel Media: Dari Idea ke Penerbitan pada 8 Julai 2025 bertempat di Bilik Seminar, Blok A, IKOM, Jejawi. Penceramah Jemputan:
Dr. Faiz bin Masnan
Dr. Husna Afifi Mohd Yusoff @ Mat Jusoh
Bengkel ini memberikan input berguna terutama kepada semua pensyarah dan guru bahasa yang berminat dalam bidang penerbitan. Tahniah kepada semua.

PROGRAM BERKUDA LASKAR ISLAM DAN PELANA

13 JULAI 2025 - SHAH STABLE



Program Laskar Islam: Panah & Pelana telah berjaya dianjurkan buat julung kalinya melibatkan kerjasama antara FPK dan Pusat Islam & Pembangunan Insan. Penyertaan peserta dalam sukan sunnah ini amat memberangsangkan dan memberi satu keseronokan beriadah kepada semua yang hadir.

INTERCULTURAL & SOCIAL ENTREPRENEURSHIP EXCHANGE PROGRAM (InSPIRE) 2025

15 JULAI 2025 | KAMPUS PAUH PUTRA UNIMAP



Satu program mobiliti jalinan kerjasama di antara Jabatan Bahasa & Pengajian Umum, FPK, UniMAP bersama Faculty of Liberal Arts, Thammasat University telah diadakan melalui Program InSPIRE yang melibatkan 17 orang pelajar dari Thammasat University. Program yang diadakan bermula 15 Jun 2025 hingga 14 Julai 2025 ini memfokuskan pada pengajaran Kursus Bahasa Melayu selain program keusahawanan dan budaya.



BASIC ENGLISH LANGUAGE CAMP SATUN (BELSA) SIRI 1, 2025

3 - 5 OGOS 2025 | KAMPUS PAUH PUTRA UNIMAP



Jabatan Bahasa & Pengajian Umum (JBPU), Fakulti Perniagaan & Komunikasi (FPK) telah menganjurkan satu program khidmat masyarakat melalui pengajaran bahasa Inggeris bersama 87 orang pelajar dan 19 orang guru dari Wilayah Satun, Thailand pada 3 hingga 5 Ogos 2025 di Kompleks Perumahan UniCITI Alam. Program ini dikendalikan bersama Islamic Private School Association Satun (IPAS). Majlis penutup turut dihadiri oleh Dr. Rozilawati Mahadi, Timbalan Dekan FPK dan Dr. Umar Akem, Presiden IPAS. Terima kasih Dr Wan Safuraa, Pn Yuziana Yasin, Pn Nur Shaqira Adera, En Jasin Halim, Cik Nur Farhinaa Othman Pn Norsyafawati Mohd. Zuki, En Syamril Akimar, En Bazli Mahmood dan En Hassad Hassan yang bertindak sebagai fasilitator dan pelaksana BELSA 1.0/2025.

BENGKEL CEKAP & CERMAT: PENGURUSAN FAIL DIGITAL AUDIT DALAMAN

21 OGOS 2025 | BILIK SEMINAR IKOM, JEJAWI



JabataUnit Audit & Kualiti, Jabatan Bahasa & Pengajian Umum, Fakulti Perniagaan & Komunikasi, UniMAP telah menganjurkan Bengkel Cekap & cermat: Pengurusan Fail Digital untuk Audit Akademik pada 21 Ogos 2025 (Khamis) di Bilik Seminar, Blok A, IKOM, Pusat Pengajian Jejawi, UniMAP. Bengkel ini bertujuan meningkatkan kefahaman para akademik berkaitan kepentingan dan keperluan audit dalaman akademik serta mengalakkan pematuan standard berkaitan dokumen sokongan dalam proses akademik.Tahniah dan terima kasih kepada semua yang terlibat.

KURSUS ASAS PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TAHUN 2025 (KURSUS P&P)

12 OGOS 2025 - KAMPUS PAUH PUTRA UNIMAP



Slot ceramah oleh YBhg. Dekan "Supervision Competency – Supervision Skills".

SYARAHAN "PERDAGANGAN REMPAH DAN KESALINGHUBUNGAN BUDAYA ANTARA SUMATERA DENGAN SEMENANGJUNG MALAYSIA"

11 SEPTEMBER 2025 | GOOGLE MEET



Syarahan "Perdagangan Rempah dan Kesalinghubungan Budaya antara Sumatera dengan Semenanjung Malaysia" yang akan disampaikan oleh Dr Suprayitno, Pensyarah Kanan Program Pengajian Sarjana Sejarah, Fakulti Ilmu Budaya, Universiti Sumatera Utara.

ZIARAH KASIH UNIMAP

26 SEPTEMBER 2025 | FELDA CHUPING



Fakulti Perniagaan & Komunikasi (FPK) menyantuni dua orang bakal pelajar yang akan mendaftar esok iaitu Saudara Muhammad Hanis bin Hamidon, Program Komunikasi Media Baharu yang berasal dari Jejawi, Perlis dan Saudari Husna Farhana Anuari binti Abdul Baari, Program Keusahawanan Kejuruteraan dari Felda Chuping, Perlis yang bakal melangkah penuh debar ke alam universiti. Paling membanggakan apabila kami

dimaklumkan bahawa abang kepada Saudara Muhammad Hanis, iaitu Saudara Muhammad Hariz bin Hamidon turut berjaya mendapat tempat di UniMAP; Program Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pemesinan), Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal (FKTM) dan akan turut mendaftar esok di Kampus Alam Pauh Putra. Sesungguhnya Ziarah Kasih UniMAP bukan sekadar sebuah kunjungan, tetapi sebuah perjalanan hati dan rasa. Di setiap pintu rumah yang diketuk, terserlah senyuman yang penuh makna. Ada wajah ayah dan ibu yang sarat dengan doa, ada anak yang menyimpan harapan, menanti detik bergelar mahasiswa. Dalam suasana sederhana, kami duduk bersama, mendengar cerita, berkongsi rasa, dan menitipkan pesan:

Kekurangan hidup bukanlah penghalang untuk melangkah jauh. Ilmu adalah kunci yang akan membuka seribu peluang. Di UniMAP, kalian tidak pernah berjalan sendirian." Ziarah ini menjadi bukti bahawa UniMAP bukan hanya sebuah institusi ilmu, tetapi sebuah keluarga besar; tempat berpaut di kala susah, teman setia di kala gembira. Kami ingin setiap ibu bapa yakin bahawa anak mereka akan dijaga, dibimbing dan diraikan sebagai permata harapan bangsa.

MINGGU SUAI KENAL (MSK) & PENYERAHAN KAD MATRIK PELAJAR BAHARU PROGRAM SARJANA MUDA FPK

27 - 30 SEPTEMBER 2025 | KAMPUS UNICITI ALAM SUNGAI CHUCHUH



SESI BERSAMA FAKULTI SEMPENA MINGGU SUAI KENAL (MSK) PROGRAM SARJANA MUDA SIDANG AKADEMIK 2025/2026.

30 SEPTEMBER 2025 | DEWAN TUANKU CANSELOR, KAMPUS PAUH PUTRA



**PROGRAM BAKTI MADANI MEGA - SISWA
UNIVERSITI KOMUNITI MADANI 2025**

3 - 5 OKTOBER 2025 | KAMPUNG SEKITAR
PARLIMEN PADANG BESAR



Program yang disertai oleh para pelajar baharu FPK bersama keluarga angkat di kampung-kampung sekitar Parlimen Padang Besar

PROGRAM PEMBANGUNAN SISWA SULUNG 4.0

15 OKTOBER 2025 | KAMPUS UNICITI ALAM
SUNGAI CHCUCHUH



Dalam usaha memastikan setiap pelajar UniMAP mendapat perhatian dan sokongan sewajarnya, Naib Canselor Dato' Prof. Ts. Dr. Zaliman Sauli menyampaikan Bantuan Sulung kepada dua pelajar iaitu anak yatim Ahmad Danial Fitri Mohd Fadli dan pelajar OKU Haviinash a/I Parugavelu. Turut hadir mengiringi, Timbalan Naib Canselor (HEPA) Prof. Ts. Dr. Mohd Mustafa Al-Bakri Abdullah.

SESI ZARIAH PELAJAR FPK

16 OKTOBER 2025 | PERLIS



Pengarah Pusat Perumahan Pelajar Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Ts. Dr. Farah Farhana Zainal, mewakili Naib Canselor UniMAP telah menziarahi serta menyampaikan sumbangan khairat kematian berjumlah RM3,000 kepada keluarga Allahyarhamah Farah Wahidah Zulhelmi, pelajar Program Keusahawanan Kejuruteraan, Fakulti Perniagaan dan Komunikasi (FPK), UniMAP yang telah kembali ke rahmatullah pada 14 Oktober 2025. Semoga keluarga Allahyarhamah dikurniakan ketabahan dan kekuatan dalam menghadapi ujian kehilangan insan tersayang ini.

**PERTANDINGAN BOWLING PERINGKAT NAIB
CANSOLOR**

21 OKTOBER 2025 | PUSAT BOWLING KANGAR



Tahniah diucapkan kepada pasukan boling FPK kerana telah berjaya menjadi Johan Berkumpulan bagi Pertandingan Bowling Piala Naib Canselor 2025. Tahniah kepada para peserta FPK:
1. Pn. Noor Amirah Mohamad (juga Johan Kategori Wanita);
2. En. Muhammad Fandy Fauzi;
3. En. Abdul Rahman Abdul Manaf; dan
4. En. Luqman Hakim Dahlan Tabah

**JOINT FOOD INSPECTION AND TESTING TECHNOLOGY PROGRAM
(SINO-MALAYSIAN COOPERATIVE EDUCATION)**

21 OKTOBER 2025 | HENAN QUALITY INSTITUTE, CHINA



Puan Nur Farhinaa Othman, guru bahasa kanan dari Jabatan Bahasa & Pengajian Umum (JBPU), Fakulti Perniagaan & Komunikasi (FPK), telah memulakan tugas sebagai staf akademik di bawah program "Joint Food Inspection and Testing Technology Program (Sino-Malaysian Cooperative Education)" pada 20 Oktober 2025. Program ini merupakan program kolaborasi antara Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Henan Quality Institute (HQI). Puan Farhinaa mengajar kursus komunikasi Bahasa Inggeris kepada pelajar-pelajar dari Kolej Kejuruteraan Pemakanan dan Kimia bertempat di kampus Henan Quality Institute, China. Pengajaran memberi fokus kepada empat kemahiran bahasa utama, iaitu mendengar, bertutur, membaca, dan menulis dalam Bahasa Inggeris. Program ini diharap dapat menyumbang kepada pemeraksanaan usaha sama serta pengukuhan hubungan akademik yang baik antara UniMAP dan Henan Quality Institute.

**SESI MEET & GREET PELAJAR BATCH PERTAMA
PROGRAM PERAKAUNAN TVET BERSAMA DEKAN FPK**

30 OKTOBER 2025 | KAMPUS UNICITI ALAM
SUNGAI CHCUCHUH



Sesi ramah mesra bersama Dekan FPK, Prof. Madya Dr. Mohammad Rezal Hamzah dan Pengerusi Rancangan Perakaunan, Dr. Shafawaty Mohamad Shabri diadakan bersama pelajar Program Perakaunan TVET. Sesi ini memberi peluang kepada dekan berinteraksi, berkongsi aspirasi serta memberi motivasi kepada pelajar agar terus bersemangat dalam bidang perakaunan yang menekankan integriti, nilai dan peranan dalam membentuk masa depan.

PROGRAM SENAMROBIK & COFFEE TO GO HEPA

30 OKTOBER 2025 | KAMPUS UNICITI ALAM SUNGAI CHCUCHUH



Program Senamrobik dan Coffee To Go HEPA bersama warga pelajar di Fakulti Perniagaan & Komunikasi Unimap. Kehadiran Naib Canselor Unimap memeriahkan lagi suasana dan dapat beramah mesra bersama staf dan pelajar FPK. Terima Kasih Team HEPA Unimap dan Majlis Pengetua, Universiti Malaysia Perlis atas sarapan yang disediakan.

BENGKEL PROMOSI TAHUN 2025

3 NOVEMBER 2025 | DEWAN KEIKHLASAN, KAMPUS PAUH PUTRA



TAHNIAH JAWATANKUASA PROMOSI FPK! Anugerah Kempen Komunikasi Berkesan: Fakulti Terbaik 2025 Bengkel Promosi Tahun 2025 anjuran Bahagian Promosi dan Pemasaran (PMD), Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa).

MAJLIS ANUGERAH KHAS YB MENTERI PENDIDIKAN TINGGI: REKA BENTUK KURIKULUM DAN PENYAMPAIAN INOVATIF (AKRI) TAHUN 2025

5 NOVEMBER 2025 | THE EVERLY HOTEL. PUTRAJAYA



MAJLIS ANUGERAH KHAS YB MENTERI PENDIDIKAN TINGGI: REKA BENTUK KURIKULUM DAN PENYAMPAIAN INOVATIF (AKRI) TAHUN 2025
TAHNIAH! NAIB JOHAN.
Kategori Pengalaman Pembelajaran Imersif Teradun (Blended)
Ketua : Dr. Shafawaty binti Mohamad Shabri
Ahli : Pn. Siti Nor Junita binti Mohd Radzi -
Jabatan Perniagaan, Fakulti Perniagaan & Komunikasi

KARNIVAL SUKAN UNIMAP (KSU) 2025

4 - 16 NOVEMBER 2025 | PUSAT SUKAN UNIMAP



Kontinjen pelajar FPK berjaya kekal sebagai Juara Perbarisan KSU 2025 dan mencapai peningkatan kutipan emas (5 emas) pada tahun ini. Di sebalik kejayaan KSU 2025, berdirinya insan-insan hebat yang bekerja dengan sepenuh hati. Terima kasih kepada semua pelajar dan staf yang telah memberikan sokongan yang terbaik. Setiap saat masa, peluh dan usaha anda amat kami hargai. Sekalung penghargaan kepada:

1. Dr. Khairulnizam bin Zahari
2. Dr. Ain Zuraini binti Zin Aris
3. Pn. Wan Shafawaty binti Mohd Rodzi
4. Encik Lughman Hakim bin Dahlan Tabah
5. Encik Muhammad Fandy bin Fauzy
6. Encik Tengku Kastriafuddin Shah bin Tengku Yaakob
7. Encik Alrul Shazwan bin Norshahimi
8. Encik Mohd Rosli bin Abd Ghani
9. PM Dr. Dayang Hasliza binti Muhd Yusuf
10. Encik Nor Helmi (Jabatan Bendahari)
11. Coach Nazmizan bin Muhamad
12. Encik Mohd Affendi bin Pozin

PERHIMPUNAN ALUMNI INDUSTRI UNIMAP ZON TENGAH & ZON SELATAN 2025

9 DISEMBER 2025 | KTHE ROYALE CHULAN KUALA LUMPUR



Dekan diwakili oleh Prof. Madya Ts. Dr. Mohammad Harith bin Amlus, Timbalan Dekan (Akademik & Penyelidikan). Turut hadir ialah Dr. Rozilawati binti Mahadi, Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) FPK.

PERHIMPUNAN ALUMNI INDUSTRI UNIMAP ZON TENGAH & ZON SELATAN 2025

9 DISEMBER 2025 | KTHE ROYALE CHULAN KUALA LUMPUR



Program CEO Talk : Global Leadership & Strategic Insights in Aviation Industry yang telah disampaikan oleh Dato' Muzammil Mohamad, Regional Manager Asean, Qatar Airways.

PENCAPAIAN STAF

PENCAPAIAN STAFF



Tahniah diucapkan kepada Prof. Madya Dr. Nor'izah binti Ahmad atas pemakaian tauliah Mejar Kehormat (K) Pasukan Sukarela Tentera Darat ketika di **Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai Kanan Tentera Darat Tahun 2025** yang telah disempurnakan oleh Panglima Tentera Darat (PTD), Jeneral Tan Sri Dato' Wira Muhammad Hafizuddeain bin Jantan bertempat di Dewan Zulkifeli Zin, Wisma Perwira Tentera Darat, Kem Perdana Sungai Besi, Kuala Lumpur



RINGKASAN
LAPORAN
KEWANGAN

DATE : 04-03-2026 03:33PM
PAGE: 1 of 1

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
REPORT ID : WBR016
RINGKASAN PENYATA PERBELANJAAN FAKULTI PERNIAGAAN DAN KOMUNIKASI PADA 31-DEC-2025

Kod Akaun	Deskripsi	Peruntukan (RM)	Virement (RM)	Sumber Dalam / Tambahan (RM)	Peruntukan Selepas Virement/ Tambahan/ Pindahan(RM)	Pembayaran (RM)	Tanggungan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Baki (RM)	% Perbelanjaan
EMOLUMEN										
14000	Elaun Lebih Masa	0.00	(782.75)	1,078.20	295.45	295.45	0.00	295.45	0.00	100.00
	JUMLAH KECIL	0.00	(782.75)	1,078.20	295.45	295.45	0.00	295.45	0.00	100.00
21000	Perbelanjaan Perjalanan Dan Sara Hidup	0.00	17,159.98	35,320.00	52,479.98	52,479.98	0.00	52,479.98	0.00	100.00
23000	Perhubungan Dan Utiliti	0.00	(1,680.00)	1,680.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
24000	Sewaan	0.00	688.28	61,192.00	61,881.28	61,881.28	0.00	61,881.28	0.00	100.00
25000	Bahan-bahan Makanan Dan Minuman	0.00	(39.50)	7,650.00	7,610.50	7,610.50	0.00	7,610.50	0.00	100.00
27000	Bekalan Dan Bahan-bahan Lain	0.00	860.60	24,104.00	24,964.60	24,964.60	0.00	24,964.60	0.00	100.00
28000	Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil	0.00	(1,221.29)	17,700.00	16,478.71	15,378.71	1,100.00	16,478.71	0.00	100.00
29000	Perkhidmatan Iktisas Dan Hospitaliti	61,275.80	(8,317.24)	0.00	52,958.56	52,958.56	0.00	52,958.56	0.00	100.00
35000	Harta Modal Lain	0.00	(500.00)	126,810.00	126,310.00	126,310.00	0.00	126,310.00	0.00	100.00
42000	Pemberian Dalam Negeri	0.00	19,408.10	0.00	19,408.10	19,408.10	0.00	19,408.10	0.00	100.00
	JUMLAH KECIL	61,275.80	26,359.93	274,456.00	362,091.73	360,991.73	1,100.00	362,091.73	0.00	100.00
	JUMLAH KESELURUHAN	61,275.80	25,577.18	275,534.20	362,387.18	361,287.18	1,100.00	362,387.18	0.00	100.00



SIDANG EDITOR

PENASIHAT

Prof. Madya Dr. Mohammad Rezal Bin Hamzah

KETUA EDITOR

Prof. Madya Ts. Dr. Mohammad Harith Bin Amlus

EDITOR

Sharmila Binti Saidin

Nor Innar Binti Md Nor

Marzura Binti Mat Arid

Nor Fadlita Ayu Binti Razi

Suhaiza Binti Ghazali

Rusmiza Binti Abdullah

Nur Akmal Binti Muhamad Yusop

Hasmira Binti Hashim

Normalia Binti Ahmad

PEREKA GRAFIK

Farah Zahidah Binti Abdullah

